

POTENSI WAKAF BERTEMPOH DALAM MEMPERKASA EKONOMI DI MALAYSIA

POTENTIAL OF TEMPORARY WAQF IN EMPOWERING THE ECONOMY IN MALAYSIA

¹Wan Abdul Rahim Wan Abd Aziz & Hussein ²Azeemi Abdullah Thaidi

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

^{*}(Corresponding Author): hussein@usim.edu.my

ABSTRAK

Wakaf merupakan instrumen kewangan sosial Islam yang berperanan dalam pembangunan sosioekonomi umat melalui pendidikan, kesihatan dan kebajikan masyarakat. Namun, pelaksanaan wakaf di Malaysia secara umumnya masih tertumpu kepada wakaf kekal yang bersifat jangka panjang dan kurang fleksibel dalam menangani keperluan ekonomi semasa yang dinamik. Seiring dengan cabaran ekonomi kontemporari seperti peningkatan kos sara hidup, ketidaksamaan akses kepada peluang ekonomi serta keperluan pembiayaan bersifat sementara dan pantas konsep wakaf bertempoh (*waqf mu'qqat*) muncul sebagai alternatif yang berpotensi. Wakaf bertempoh merujuk kepada pewakafan aset atau dana untuk tempoh masa tertentu yang selepas tamat tempoh tersebut boleh dikembalikan kepada pewakaf atau ditentukan semula penggunaannya mengikut persetujuan syarak. Artikel ini bertujuan meneroka potensi wakaf bertempoh dalam memperkasa ekonomi Malaysia, khususnya dalam konteks kerangka Ekonomi Madani yang menekankan prinsip kesejahteraan rakyat, keadilan sosial, keterangkuman ekonomi dan kelestarian pembangunan. Melalui pendekatan kajian konseptual dan analisis dokumen, artikel ini mengetengahkan bahawa wakaf bertempoh menawarkan kelebihan dari segi fleksibiliti pembiayaan, kebolehsuaian terhadap keperluan jangka pendek serta keupayaan menggalakkan penyertaan masyarakat secara lebih luas termasuk golongan B40, usahawan mikro, generasi muda dan sektor korporat. Dapatan konseptual menunjukkan bahawa integrasi wakaf bertempoh dalam ekosistem kewangan sosial Islam mampu memperkukuh daya tahan ekonomi negara melalui mekanisme pembiayaan yang lebih responsif, inklusif dan berteraskan nilai yang selari dengan aspirasi Ekonomi Madani di Malaysia.

Kata Kunci: *Wakaf bertempoh, Wakaf, Malaysia, Ekonomi*

ABSTRACT

Waqf is an Islamic social finance instrument that has long played a significant role in the socio-economic development of the Muslim community through the provision of education, healthcare, and social welfare. However, the implementation of waqf in Malaysia has generally remained concentrated on permanent waqf, which is long-term in nature and relatively inflexible in addressing the dynamic demands of the contemporary economy. In line with current economic challenges such as rising living costs, unequal access to economic opportunities, and the need for temporary and responsive financing mechanisms, the concept of temporary waqf (waqf mu'qqat) has emerged as a promising alternative. Temporary waqf refers to the endowment of assets or funds for a specified period and for a particular purpose, after which the assets may be returned to the donor or reassigned in accordance with Shari'ah agreements. This article aims to explore the potential of temporary waqf in strengthening Malaysia's economy, particularly within the framework of Ekonomi Madani, which emphasises public well-being, social justice, economic inclusivity, and sustainable development.

Employing a conceptual research approach and document analysis, the article argues that temporary waqf offers several advantages, including greater financing flexibility, adaptability to short-term needs, and the capacity to encourage broader societal participation, including among the B40 group, micro-entrepreneurs, younger generations, and the corporate sector. Conceptual findings indicate that the integration of temporary waqf into the Islamic social finance ecosystem has the potential to enhance national economic resilience by providing a financing mechanism that is more responsive, inclusive, and value-driven, in line with the aspirations of Ekonomi Madani in Malaysia.

Keyword (s): Temporary Waqf, Waqf, Malaysia, Economy

Pengenalan

Wakaf merupakan salah satu instrumen teras dalam kewangan sosial Islam yang berfungsi sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi melalui penyediaan pendidikan, kesihatan, kebajikan dan infrastruktur awam (Kahf, 2003; Çizakça, 2011). Sejarah Islam menunjukkan bahawa institusi wakaf banyak menyokong pembinaan infrastruktur awam seperti universiti, hospital dan kemudahan awam lain yang berperanan meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara berterusan. Jenis-jenis wakaf seperti wakaf am dan khas juga telah diterokai oleh negara-negara lain yang pesat mengukuhkan institusi wakaf mereka seperti Kuwait (Ab Rahman & Amanullah, 2016). Namun begitu, pelaksanaan wakaf di Malaysia masih didominasi oleh wakaf kekal yang bersifat jangka panjang dan kurang fleksibel dalam menangani keperluan ekonomi semasa yang dinamik dan bersifat sementara (Khamis & Salleh, 2018).

Pada masa yang sama, ekonomi Malaysia berdepan cabaran kritikal seperti peningkatan kos sara hidup, jurang pendapatan, keterbatasan akses pembiayaan dan ketidaksamaan peluang ekonomi khususnya dalam kalangan golongan B40 dan usahawan mikro. Cabaran ini memerlukan pendekatan kewangan sosial yang lebih inklusif dan bersasar selari dengan kerangka Ekonomi Madani yang menekankan kesejahteraan rakyat, keadilan sosial dan keterangkuman ekonomi (Prime Minister's Office of Malaysia, 2023). Dalam konteks ini, wakaf bertempoh muncul sebagai satu mekanisme alternatif yang berpotensi mengisi jurang kelemahan wakaf kekal.

Konsep Wakaf Bertempoh (*Waqf Mu'qqat*)

Wakaf bertempoh merujuk kepada pewakafan harta atau dana untuk tempoh masa tertentu dengan tujuan khusus kemudian aset tersebut boleh dikembalikan kepada pewakaf atau ditentukan semula penggunaannya mengikut persetujuan syarak. Konsep ini juga menjadi perbincangan di kalangan para ulama mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali dalam mengharuskan wakaf ini (Kahf, 2003). Walaupun majoriti mazhab tidak membenarkannya namun terdapat pandangan majoriti fuqaha Maliki dan sebahagian kecil Syafie dan Hanafi (Ab Rahman & Amanullah, 2017). Di Malaysia terdapat 5 negeri yang mengiktiraf wakaf bertempoh iaitu Terengganu, Sarawak, Johor, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Selangor.

Kajian kontemporari kini menunjukkan bahawa wakaf bertempoh diterima sebagai instrumen sah dari sudut syariah selagi manfaat awam tercapai dan tidak bercanggah dengan prinsip asas wakaf (Alnaief, 2024). Malah, Ambrose et al. (2022) membuktikan secara analitikal bahawa wakaf bertempoh mampu menghasilkan manfaat berterusan walaupun terikat dengan had masa tertentu. Dalam konteks Malaysia, model wakaf bertempoh juga telah dicadangkan sebagai mekanisme praktikal untuk pelaksanaan wakaf keluarga dan sosial yang lebih fleksibel serta berstruktur (Ab Rahman et al., 2023).

Berbeza dengan wakaf kekal yang menekankan kesinambungan manfaat jangka panjang melalui pemilikan aset tidak boleh lupus, wakaf bertempoh lebih sesuai untuk membiayai projek ekonomi berskala kecil dan sederhana, program latihan dan peningkatan kemahiran, sokongan sementara kepada usahawan mikro serta inisiatif pemulihan ekonomi pasca krisis.

Ekonomi Madani dan Kewangan Sosial Islam

Ekonomi Madani merupakan kerangka pembangunan nasional masa kini yang memberi penekanan kepada keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial, keterangkuman dan kesejahteraan insan. Kerangka ini mengiktiraf peranan instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat dan wakaf sebagai pelengkap kepada sistem ekonomi arus perdana (Prime Minister's Office of Malaysia, 2023).

Kajian dalam bidang kewangan sosial Islam menunjukkan bahawa wakaf khususnya berpotensi meningkatkan keterangkuman kewangan serta mengurangkan ketidaksamaan sosial, terutamanya apabila diurus secara cekap dan disepadukan dengan mekanisme kewangan moden (Hossain, 2021; Abu Seman et al., 2021). Dalam konteks ini, wakaf bertempoh selari dengan aspirasi Ekonomi Madani kerana ia menggalakkan penyertaan ekonomi rakyat, meningkatkan kecekapan pengagihan sumber dan menyediakan sokongan ekonomi yang lebih bersasar kepada kumpulan rentan.

Potensi Wakaf Bertempoh dalam Memperkasa Ekonomi Malaysia

Sokongan Kepada Golongan B40 dan Usahawan Mikro

Golongan B40 dan usahawan mikro merupakan antara kumpulan yang paling terkesan oleh ketidaksamaan akses kepada pembiayaan daripada bank khususnya disebabkan kekangan cagaran, sejarah kredit yang lemah dan kos pembiayaan yang tinggi. Walaupun pelbagai skim bantuan dan mikro kredit disediakan sebahagian daripadanya masih berasaskan hutang dan berpotensi meningkatkan beban kewangan jangka panjang penerima. Dalam konteks ini, wakaf bertempoh menawarkan satu pendekatan alternatif yang lebih selari dengan prinsip keadilan sosial dan keterangkuman ekonomi.

Wakaf bertempoh berpotensi menyediakan modal pusingan sementara, sokongan perniagaan dan pembiayaan operasi asas kepada usahawan mikro tanpa mewujudkan obligasi hutang atau bayaran faedah (Abdullah Thaidi et al., 2019). Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan risiko kewangan kepada penerima malah menggalakkan keusahawanan yang lebih mampan dan berasaskan nilai kebajikan. Kajian mengenai kewangan sosial Islam menunjukkan bahawa instrumen seperti wakaf dan zakat mampu meningkatkan penyertaan ekonomi golongan rentan dan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan (Hossain, 2021).

Integrasi wakaf bertempoh ke dalam kerangka kewangan sosial berpotensi melengkapi inisiatif keterangkuman kewangan sedia ada dengan menyediakan sokongan bersifat sementara, bersasar dan fleksibel. Abu Seman et al. (2021) menegaskan bahawa penggunaan wakaf tunai dan instrumen berkaitan dapat meningkatkan indeks keterangkuman kewangan khususnya dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah. Oleh itu, wakaf bertempoh berpotensi tinggi sebagai mekanisme pemerkasaan ekonomi B40 dan usahawan mikro yang selari dengan aspirasi Ekonomi Madani untuk membangunkan ekonomi yang lebih adil dan inklusif.

Pembiayaan Latihan dan Pembangunan Kemahiran

Cabaran ekonomi kini yang semakin dinamik memerlukan kepada pekerjaan yang lebih berkemahiran tinggi. Oleh yang demikian kerajaan telah melaksanakan program seperti TVET.

Pembangunan tenaga kerja berkemahiran menjadi prasyarat utama kepada peningkatan produktiviti tenaga kerja di Malaysia (Mohd Jalil et al., 2015). Keperluan terhadap latihan jangka pendek, peningkatan kemahiran digital dan latihan vokasional semakin mendesak terutamanya dalam kalangan belia dan pekerja berkemahiran rendah yang terkesan oleh perubahan struktur ekonomi. Namun, pembiayaan program latihan ini sering bergantung kepada peruntukan kerajaan atau sumbangan jangka panjang yang kurang fleksibel.

Wakaf bertempoh menyediakan satu alternatif pembiayaan yang sesuai untuk menyokong program latihan bersifat sementara tetapi berimpak tinggi seperti kursus kemahiran digital, latihan teknikal, pensijilan profesional dan latihan keusahawanan. Berbeza dengan wakaf kekal yang menekankan kesinambungan aset fizikal, wakaf bertempoh lebih praktikal untuk membiayai latihan modal insan yang mempunyai tempoh pelaksanaan terhad tetapi memberi pulangan sosial yang signifikan.

Çizakça (2011) menyatakan bahawa fleksibiliti institusi wakaf adalah kunci kepada keberkesannya dalam ekonomi moden. Selari dengan hujah ini, Ambrose et al. (2022) menunjukkan bahawa wakaf bertempoh mampu menjana manfaat berterusan walaupun tempoh pewakafan adalah terhad selagi ia disalurkan kepada aktiviti yang meningkatkan kapasiti produktif masyarakat. Oleh itu, penggunaan wakaf bertempoh untuk pembiayaan latihan dan pembangunan kemahiran bukan sahaja menyokong peningkatan kebolehpasaran tenaga kerja, malah menyumbang kepada pembentukan ekonomi berasaskan nilai dan produktiviti, selaras dengan prinsip Ekonomi Madani.

Mekanisme Pemulihan dan Bantuan Ekonomi Pasca Krisis

Pengalaman krisis global khususnya pandemik COVID-19 telah memperlihatkan keperluan kepada mekanisme pembiayaan yang pantas dan fleksibel bagi menyokong komuniti terjejas (Ab Rahman et al., 2020). Banyak kumpulan masyarakat, termasuk peniaga kecil, pekerja sektor tidak formal (*freelance*) dan isi rumah berpendapatan rendah memerlukan bantuan kewangan yang bersifat sementara untuk menampung keperluan asas serta memulihkan aktiviti ekonomi mereka. Perkara yang sama juga dapat dilihat krisis pasca banjir yang menyebabkan golongan rentan ini memerlukan bantuan asas bagi meneruskan aktiviti kehidupan. Dalam situasi ini, komitmen pembiayaan jangka panjang dianggap tidak sesuai dan membebankan.

Wakaf bertempoh berpotensi berfungsi sebagai instrumen pemulihan ekonomi pasca krisis yang lebih pantas dan fleksibel. Ia boleh digunakan untuk membiayai projek pemulihan sementara seperti bantuan modal perniagaan, penyediaan kemudahan kesihatan komuniti dan program pemulihan pendapatan dalam tempoh tertentu. Pendekatan ini membolehkan sumber wakaf dimobilisasi dengan tuntas tanpa menjejaskan kelestarian jangka panjang institusi wakaf.

Kajian dalam bidang kewangan sosial Islam menunjukkan bahawa instrumen seperti wakaf dan zakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tahan ekonomi masyarakat ketika krisis (Hossain, 2021). Selain itu, Sukmana et al. (2024) menunjukkan bahawa pembiayaan projek berasaskan wakaf bertempoh mampu memberikan kesan ekonomi yang signifikan kepada komuniti sasaran. Justeru, wakaf bertempoh boleh dilihat sebagai mekanisme strategik untuk menyokong agenda pemulihan ekonomi yang selari dengan Ekonomi Madani iaitu pembangunan yang berteraskan nilai kemanusiaan, keadilan sosial dan kesejahteraan bersama.

Perbincangan Konseptual

Secara teoritikal, wakaf bertempoh berfungsi sebagai alternatif strategik kepada wakaf kekal dan bukannya pengganti. Wakaf kekal menekankan pemeliharaan aset dan manfaat jangka panjang yang berterusan manakala wakaf bertempoh memperkenalkan elemen fleksibiliti yang

membolehkan institusi wakaf bergerak dengan lebih cekap terhadap keperluan ekonomi jangka pendek dan sederhana. Pengaplikasian kedua-dua bentuk wakaf ini berpotensi meluaskan fungsi wakaf agar lebih peka terhadap cabaran ekonomi semasa.

Daripada sudut kewangan sosial Islam, wakaf bertempoh menyediakan satu mekanisme praktikal untuk memobilisasi aset atau dana yang terbiar bagi aktiviti ekonomi produktif tanpa memerlukan pelepasan pemilikan secara kekal. Ciri ini amat relevan dalam ekonomi moden khususnya apabila pewakaf individu atau institusi korporat cenderung memilih komitmen kewangan yang terhad tempohnya disebabkan faktor ketidaktentuan ekonomi, keperluan kecairan, atau perancangan strategik jangka sederhana (Alnaief et al., 2024). Oleh itu, wakaf bertempoh berpotensi meningkatkan kadar penyertaan masyarakat dalam amalan wakaf termasuk daripada sektor swasta yang sebelum ini lebih berhati-hati terhadap wakaf kekal. Pendekatan ini sejajar dengan dapatan kajian kewangan sosial dan *crowdfunding* yang menekankan kepentingan fleksibiliti, keterangkuman dan kecekapan dalam mekanisme pembiayaan sosial (Belleflamme et al., 2014; Mollick, 2014).

Selain itu, kemajuan teknologi dan inovasi kewangan seperti *blockchain* dan kontrak pintar juga membuka ruang untuk meningkatkan tadbir urus, ketelusan dan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan wakaf termasuk wakaf bertempoh (Megat et al., 2024; Kunhibava et al., 2024). Justeru, penerokaan terhadap potensi wakaf bertempoh ini mampu memperkasa ekonomi Malaysia dari sudut kewangan sosial Islam ke arah lestari dan mampan.

Kesimpulan

Artikel ini menyokong bahawa wakaf bertempoh mempunyai potensi besar dalam memperkasa ekonomi Malaysia melalui penyediaan mekanisme pembiayaan yang fleksibel, inklusif dan berasaskan nilai sosial yang mampan. Dalam kerangka Ekonomi Madani, wakaf bertempoh mampu menyokong agenda keadilan sosial, pemerkasaan rakyat dan kelestarian pembangunan khususnya melalui sokongan kepada golongan B40, usahawan mikro dan inisiatif pemulihan ekonomi. Oleh itu, wakaf bertempoh wajar diberi perhatian serius oleh pembuat dasar, institusi wakaf dan masyarakat sebagai alternatif strategik kepada wakaf kekal dalam usaha membina ekonomi Malaysia yang lebih berdaya tahan dan sejahtera.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (kod: FRGS/1/2024/SSI03/USIM/02/8) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia melalui Projek Penyelidikan Transdisiplinari USIM (kod: PPPI/TRANSDISIPLINARI/FSU/USIM/18123). Penghargaan juga ditujukan kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan semua ahli penyelidik.

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Mohamad Suhaimi, F., & Ab Rahim, S. F. (2023). Proposed temporary waqf model for family waqf implementation in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 15(1), 56–78. <https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2022-0098>
- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. (2016). The Implementation of Temporary Endowment in Kuwait. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 54(2), 477–503. <https://doi.org/10.14421/ajis.2016.542.477-503>
- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. (2017). The Nature of Temporary Waqf, its Ruling and Public Interest. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 175–1187. <https://doi.org/10.7187/gjat122017-11>
- Abdullah Thaidi, H. 'Azeemi, Wan Mohamad Nazarie, W. N. F., Zulkarnain, A. R., & Mohd Salleh, M. M. (2021). Integrasi Takaful Mikro dan Wakaf Ketika Pandemi: Analisis Potensi dan Cabaran. *Ulum Islamiyyah*, 33(3), 135–150. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33nos5.399>
- Abu Seman, J., Jamil, N. N., & Che Mohd Hashim, A. J. (2021). Development of integrated Islamic finance-based index of financial inclusion using zakat and cash waqf: A preliminary study in Malaysia. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 18(2), 73–95. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v18i2.370>
- Ahmad, M. J., Jalani, N. H., & Hasmori, A. A. (2015, September). *TEVT di Malaysia: Cabaran dan harapan*. In Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam (Vol. 115).
- Alnaief, M. (2024). New issues in temporary Muslim endowments (waqf). *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 16(S1), 136–152. <https://doi.org/10.55188/ijif.v16iS1.735>
- Ambrose, A. H. A. A., Peredaryenko, M., et al. (2022). Temporary waqf and perpetual benefit: A mathematical proof. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 30(1), 151–173. <https://doi.org/10.31436/ijema.v30i1.965>
- Belleflamme, P., Lambert, T., & Schwienbacher, A. (2014). Crowdfunding: Tapping the right crowd. *Journal of Business Venturing*, 29(5), 585–609. <https://doi.org/10.1016/j.jbusvent.2013.07.003>
- Çizakça, M. (2011). *Islamic capitalism and finance: Origins, evolution and the future*. Edward Elgar Publishing.
- Hossain, M. S. (2021). Islamic social finance and sustainable development goals: The role of zakat and waqf. *Journal of Islamic Finance*, 10(2), 1–14. <https://doi.org/10.31436/jif.v10i2.486>
- Kahf, M. (2003). *The role of waqf in improving the ummah welfare*. Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Khamis, S. R., & Salleh, M. C. (2018). Study on the efficiency of cash waqf management in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(1), 61–84. <https://doi.org/10.21098/jimf.v4i1.732>
- Kunhibava, S., Muneeza, A., Mustapha, Z., Khalid, M., & Kiran, G. (2024). Blockchain Use Case in Islamic Social Finance. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 16(1), 93–110. <https://doi.org/10.55188/ijif.v16i1.659>
- Megat, P. A., Al-Shaghdari, F., Bin Ngah, B., & Abdelfattah, S. S. (2024). Assessing the predictive benefits of Waqftech smart contracts on corporate waqf crowdfunding among Malaysian enterprises. *Journal of Islamic Marketing*, 15(5), 1303–1325. <https://doi.org/10.1108/JIMA-08-2023-0262>

- Mollick, E. (2014). The dynamics of crowdfunding: An exploratory study. *Journal of Business Venturing*, 29(1), 1–16. <https://doi.org/10.1016/j.jbusvent.2013.06.005>
- Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pendemik Covid-19: The Role of Waqf in Combating Covid-19 Pandemic. (2020). *Journal of Fatwa Management and Research*, 22(1), 49-64. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.323>
- Prime Minister's Office of Malaysia. (2023). *Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat*. Putrajaya.
- Sukmana, R., Ratnasari, R. T., Majid, R., & Mohd Shafiai, M. H. (2024). Designing waqf-based financing model for livestock project: Empirical evidence from Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 17(3), 599–617. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-06-2023-0211>